

07 JAN 2002

Mahathir-Rasuah (Bergambar)

TAK BANYAK KAKITANGAN AWAM TERLIBAT RASUAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemampuan kerajaan membayar bonus dan kenaikan gaji 10 peratus kepada kakitangan awam dalam keadaan kegawatan ekonomi adalah hasil produktiviti mereka yang meningkat dan majoritinya tidak terlibat dengan rasuah.

Perdana Menteri berkata hanya sedikit sahaja kakitangan kerajaan yang terlibat dengan kegiatan rasuah dan kerana itu kerajaan mampu mengutip cukai sepenuhnya bagi membangunkan negara dan membayar gaji kakitangan awam.

Di sesetengah negara, rasuah berleluasa dan kakitangan kerajaannya mengamalkan konsep tawar-menawar dalam pembayaran cukai dan ini menjejaskan pendapatan negara itu, katanya semasa berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga di Bukit Kiara di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata tawar-menawar seperti itu membuka ruang kepada amalan rasuah.

"Bila gaji tak cukup, kena bergantung kepada cara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan prestasi kakitangan awam dan gembira bahawa tidak ramai yang terlibat dengan rasuah.

"Ia mungkin kerana nilai dan budaya hidup di negara kita yang tidak menggalakkan kegiatan rasuah," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan amat berterima kasih kepada kakitangan awam yang bertanggungjawab dan menjalankan tugas dengan amanah.

Katanya ketelitian kakitangan kerajaan dalam membelanjakan wang yang diperuntukkan untuk pentadbiran pembangunan negara dapat dilihat dengan tindakan mereka mengambil masa yang lebih lama dalam membelanjakan wang itu.

Ini dapat dilihat dengan projek yang tidak dapat dijalankan mengikut jadual sebab mereka perlu menentukan tiada penyelewengan dan duit itu tidak lesap, katanya.

Dr Mahathir berkata mereka perlu mengamalkan langkah-langkah kawalan agar wang tidak dibelanjakan sewenang-wenangnya seperti di sesetengah negara lain.

Beliau berkata untuk memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan sepenuhnya, kerajaan bercadang untuk mengadakan belanjawan untuk dua tahun sekali bagi memastikan peruntukan yang tidak dapat dihabiskan dalam satu-satu tahun dibawa ke tahun hadapan.

Pada majlis itu Dr Mahathir menerima surat Akujanji yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Ini diikuti acara menandatangani Akujanji oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, ketua setiausaha-ketua setiausaha kementerian dan Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam.

-- BERNAMA

HK NM MAI